

UMS-KAL iktiraf kakitangan cemerlang

um 26/12/12 28

LABUAN 25 Dis. - Kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa yang cemerlang dalam perkhidmatan akan terus diberi pengiktirafan atas usaha dan komitmen mereka menyumbang tenaga menaikkan nama dan imej universiti itu.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berkata, pengiktirafan dan penghargaan itu tidak hanya tertakluk kepada pencapaian dalam pengurusan dan akademik, tetapi juga sukan, inovasi dan penyelidikan.

Sehubungan itu, beliau berharap semua kakitangan akan terus konsisten dalam pencapaian sepanjang tahun dan terus menjadi contoh terbaik kepada kakitangan lain pada masa akan datang.

"Saya juga berharap para kakitangan lain menjadikan kakitangan cemerlang yang terpilih tahun ini sebagai tanda aras agar turut sama dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan universiti," katanya ketika berucap dalam majlis Malam Penghargaan Staf UMS-KAL 2012 di sini kelmarin.

Dalam majlis itu, seramai 32 kakitangan menerima empat anugerah iaitu Anugerah Pengurusan, Akademik, Sukan dan Anugerah Khas Pengarah.

Yang turut hadir Timbalan Pen-daftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah; Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SP-KAL), Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim.

Ismail berkata, majlis yang julu ng kali diadakan itu merupakan pengiktirafan dan penghargaan pe-nugurusan universiti kepada kakita-nigan yang banyak menyumbang bakti sejak UMS membuka cawa-ngannya di Wilayah Persekutuan Labuan pada 1999.

"Saya percaya penerima-penerima anugerah ini adalah antara pi-lihan terbaik dan perlu menjadi ins-pirasi kepada semua kakitangan di kampus ini. Syabas di atas kejayaan anda kerana berjaya terpilih untuk menyandang anugerah-anugerah ini," ujarnya.



ISMAIL Ali (kanan) menyampaikan Anugerah Harapan Pengarah kepada Ruby Zawati Timbang sempena Malam Penghargaan Staf UMS-KAL 2012 di Labuan, baru-baru ini.